



11 Ogos 2024



JAKOA bantu bawa pengundi di pedalaman tunai tanggungjawab Sabtu ini

GUA MUSANG: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan menyediakan pengangkutan bagi membawa keluar pengundi Orang Asli untuk menunaikan tanggungjawab pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri Sabtu ini.

Sebelum ini, penduduk Orang Asli membangkitkan isu kesukaran untuk keluar mengundi kerana jauh dari tempat mengundi dan tiada kenderaan.

Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Saiful Zahlan Muhamad Azmi, berkata prihatin dengan keluhan masyarakat itu yang tinggal di pedalaman, agensi akan mengambil tanggungjawab membawa pengundi di pedalaman untuk ke pusat mengundi.

Katanya, terdapat 2,765 orang pengundi berdaftar daripada suku kaum Temiar dan Mendriq di DUN berkenaan membabitkan lima pos.

"Lima pos terbabit ialah Pos Tohoi, Pos Simpor, Pos Gob, Sungai Jenera Pos Pasik, Pos Pulat, di mana di kawasan pos ini terdapat kampung kecil yang memerlukan pengangkutan untuk ke pusat pengundian.

"Bagi tujuan pengundian ini JAKOA akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan juga lain-lain perkhidmatan yang diperlukan bagi memastikan kesemua mereka ini dapat keluar untuk menunaikan tanggungjawab pada hari pengundian," katanya ketika ditemui di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis, di sini.

Menurutnya pelbagai alternatif akan digunakan untuk membawa pengundi keluar ke pusat pengundian.

"Perkhidmatan ini membabitkan perjalanan dua hala iaitu membawa dan menghantar pengundi selepas selesai proses pengundian.

"Semua pengundi kena ada semangat kerana ini adalah tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia, jadi saya menyeru kepada semua pengundi Orang Asli di DUN Nenggiri untuk bersama-sama menunaikan tanggungjawab pada hari pengundian itu nanti," katanya.

Sementara itu, pengundi Orang Asli Pos Pasik, Mohd Sani Nahtiman, berkata dia sangat menghargai usaha JAKOA kerana sebelum ini ramai pengundi tidak dapat keluar mengundi kerana jalan rosak dan tiada kenderaan.